



Sesungguhnya Allah akan mengasingkan seorang lelaki daripada umatku di hadapan seluruh makhluk pada hari kiamat

Daripada Abdullah bin Amr bin al-'As رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: «Sesungguhnya Allah akan mengasingkan seorang lelaki daripada umatku di hadapan seluruh makhluk pada hari kiamat, lalu dibentangkan di hadapannya sembilan puluh sembilan sijil (buku catatan amalan), setiap sijil panjangnya sejauh mata memandang. Kemudian Dia berfirman: Adakah kamu mengingkari sesuatu daripada catatan ini? Adakah para malaikat pencatat-Ku yang sentiasa menjaga telah menzalimimu? Maka dia menjawab: Tidak, wahai Tuhanku. Lalu Dia berfirman: Adakah kamu mempunyai sebarang alasan? Maka dia menjawab: Tidak, wahai Tuhanku. Lalu Dia berfirman: Bahkan, sesungguhnya kamu mempunyai satu kebaikan di sisi Kami, dan sesungguhnya tiada kezaliman ke atasmu pada hari ini. Lalu dikeluarkan sekeping kad yang tertera padanya: Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya. Maka Dia berfirman: Saksikanlah penimbangan amalmu. Lalu dia berkata: Wahai Tuhanku, apalah nilainya kad ini berbanding sijil-sijil ini? Maka Dia berfirman: Sesungguhnya kamu tidak akan dizalimi. Baginda bersabda: Maka diletakkanlah sijil-sijil itu pada satu piring neraca, dan kad itu pada piring neraca yang satu lagi, lalu melayang ringalah sijil-sijil itu dan memberatlah kad itu. Maka tiada suatu apa pun yang dapat menandingi berat nama Allah».

[صحيح] [رواه الترمذي وابن ماجه]

Nabi ﷺ mengkhabarkan bahawa Allah memilih seorang lelaki daripada kalangan umat-Nya di hadapan seluruh makhluk pada hari kiamat, dia diseru untuk dihisab, lalu dibentangkan kepadanya sembilan puluh sembilan sijil, iaitu lembaran-lembaran catatan amalan buruknya yang dilakukannya di dunia, dan panjang setiap sijil adalah sejauh mata memandang, Allah SWT juga berfirman kepada lelaki ini: Adakah engkau mengingkari sesuatu daripada yang tertulis di dalam catatan-catatan ini? Adakah para malaikat-Ku yang ditugaskan menjaga dan mencatat telah menzalimimu? Maka lelaki itu berkata: "Tidak, ya Tuhanku." Maka Allah Azzawajalla berfirman: Adakah kamu mempunyai sebarang keuzuran atas amalan yang telah kamu lakukan di dunia, sama ada kerana alpa, atau tersilap, atau jahil, Lalu lelaki itu berkata: "Tidak, ya Tuhanku, aku tidak mempunyai alasan." Maka Allah Ta'ala berfirman: "Bahkan, sesungguhnya engkau mempunyai satu kebaikan di sisi Kami, dan sesungguhnya tiada kezaliman ke atasmu pada hari ini." Dia berkata sambil mengeluarkan sekeping kad yang tertulis: Aku bersaksi tiada yang berhak disembah selain Allah, dan aku bersaksi

bahawa Muhammad adalah hamba serta utusan-Nya. Maka Allah SWT berfirman kepada lelaki ini: Hadirkanlah timbanganmu. Lelaki yang kehairanan itu bertanya: "Wahai Tuhanku! Apakah beratnya kad ini berbanding dengan rekod-rekod ini?!" Allah SWT berfirman: Engkau tidak akan dizalimi. Baginda bersabda: "Lalu diletakkanlah catatan-catatan itu pada satu piring timbangan, dan kad itu pada piring timbangan yang lain. Maka ringanlah piring timbangan yang berisi catatan-catatan itu, dan beratlah piring timbangan yang berisi kad itu. Lalu Allah mengampuninya."

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65033>

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY

